

15/09/1998

Badminton rangkul emas (HL)

Norbakti Alias

KUALA LUMPUR, Isnin - Pasukan badminton lelaki Malaysia menepati ramalan untuk menyumbang pingat emas kedua negara dalam Sukan Komanwel XVI - Kuala Lumpur '98 hari ini manakala pasukan wanita turut cemerlang dengan meraih pingat perak.

Harapan meraih pingat dalam sekurang-kurangnya dua acara lain, menembak dan bowling, bagaimanapun meleset.

Kecemerlangan pasukan negara di Stadium Badminton Kuala Lumpur didahului barisan wanita yang sebelumnya cuma diramalkan berupaya memenangi gangsa.

Bagaimanapun, kemenangan 3-2 ke atas India sudah mencukupi untuk memastikan pingat perak - pencapaian terbaik bagi pemain wanita sejak Sylvia Ng menjuarai acara perseorangan dalam Sukan Komanwel 1978 di Edmonton, Kanada.

Pasukan lelaki pula, sekalipun terpaksa merehatkan pemain perseorangan utama, Ong Ewe Hock yang cedera ternyata terlalu hebat buat pasukan pilihan kedua, England.

Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diberi penghormatan menyampaikan hadiah kepada pemenang turut menaikkan semangat pemain negara yang kesudahannya menang 4-1.

Kemenangan itu mengekalkan rekod bersih Malaysia dalam tiga perlawanan liga sepusingan antara empat pasukan itu untuk meraih pingat emas.

Kejuaraan sah milik Malaysia sebaik pemain perseorangan, Wong Choon Hann, mengutip mata ketiga biarpun menerima tentangan hebat Mark Constable sebelum menang 15-8, 15-8.

Dua mata pertama Malaysia diperolehi Yong Hock Kin yang mengalahkan Nicholas Hall 15-9, 15-5 manakala Choong Tan Fook-Lee Wan Wah melawan Antonia Gargiulo-Geoffrey Bellingham 15-1, 15-1 dalam permainan beregu.

Selepas kemenangan Choon Haan, pasangan beregu, Cheah Soon Kit-Yap Kim Hock menundukkan Simon Archer-Chris Hunt 15-8, 15-5 untuk mendahului 4-0.

Choong Tan Fook memberi kemenangan percuma kepada Peter Knowles dalam perlawanan perseorangan ketiga untuk keputusan muktamad 4-1.

Pingat perak pula dimenangi India yang mencatat dua kemenangan, masing-masing ke atas England dan New Zealand, manakala dua negara itu memperolehi gangsa.

Sebelum itu pada sebelah pagi, pasukan lelaki negara menewaskan New Zealand 5-0 dalam perlawanan kedua mereka sebagai kesinambungan kepada kemenangan pertama 4-1 ke atas India.

(END)